
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JMK 313 – Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Bincangkan pelbagai pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana tentang teori kedatangan agama Islam ke Alam Melayu sejak abad ke 7 Masihi. Apakah kesannya terhadap perkembangan Kesusasteraan Melayu?

(25 markah)

2. Kitab *Masalah Seribu* bersifat sastera kitab. Berikan sinopsis kitab tersebut dan huraikan tiga (3) daripada enam (6) Rukun Iman yang terkandung di dalamnya.

(25 markah)

3. Huraikan dengan jelas kisah Nabi Yusuf selepas baginda bermimpi seperti dalam petikan di bawah sehingga baginda bertemu semula dengan ayahandanya di Mesir.

“(Ingatlah peristiwa) tatkala Nabi Yusuf berkata kepada bapanya: “Wahai ayahku! Sesungguhnya aku mimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan, aku melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku”.”

(Surah Yusuf, ayat 4)

“Wahai ayahku! Inilah dia takwil mimpiku dahulu. Sesungguhnya Allah telah menjadikan mimpiku itu benar.”

(Surah Yusuf, ayat 100)

(25 markah)

4. Dalam *Syair Siti Zubaidah Perang China*, Siti Zubaidah telah bertindak sebagai wirawati Islam. Buktikan.

(25 markah)

5. Pilih satu (1) sahaja.

(i) Dalam *Hikayat Kalilah dan Dimnah*, terdapat peristiwa serangan Raja Iskandar Dzulkarnain terhadap Raja Furr, kisah kezaliman Raja Dabshalim dan Baidaba, ahli falsafah. Huraikan.

(ii) Huraikan cerita sisipan Singa dengan Lembu seperti yang terdapat dalam *Hikayat Kalilah dan Dimnah* dan beri pandangan anda tentang pengajaran daripada kisah tersebut.

(iii) Beri definisi ‘cerita berbingkai’ dan huraikan kisah Burung Hantu dengan Gagak yang terdapat dalam *Hikayat Kalilah dan Dimnah*.

(25 markah)

6. Hamzah Fansuri dan Nuruddin al-Raniri ialah dua orang mufti, ulama dan pengarang sufi yang sangat terkenal pada abad ke 17 Masihi di Alam Melayu. Pilih salah seorang daripadanya dan bincangkan tentang riwayat hidup dan sumbangannya terhadap Kesusasteraan Melayu.

(25 markah)